Sinar Harian

Sinar Ahad · MEMBINA PERSPEKTIF · Akhbar Arus Perdana Paling Diyakini · sinarharian.com.my



Terpaksa bergantung hidup kepada tong gas oksigen, pesakit asma kronik gapai impian selepas 11 tahun berjuang demi segulung ijazah 13


JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
HIES BA 2022
SURVEI PENDAPATAN, PERBELANJAAN ISI RUMAH DAN KEMUDAHAN ASAS
"Statistik Nadi Kehidupan"
JANUARI - DISEMBER 2022


AHAD | 20 MAC 2022 | 17 SYAABAN 1443H | BIL: 106 | PP19559/01/2020 (035173) sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian SinarHarian sinarharian RM1.60

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA Sinar

PENERIMA ANUGERAH KAJAI 2021
ANUGERAH TERTINGGI KEWARTAWANAN MALAYSIA

PENERIMA ANUGERAH EMAS
KATEGORI KEWARTAWANAN PENYIASATAN CEMERLANG 2021

TEST KIT 4.90

# PM LAKSANA JANJI

Inti pati penggulungan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob



- Kerajaan meluluskan pelaksanaan kadar gaji minimum baharu RM1,500 sebulan bermula 1 Mei ini di seluruh negara membabitkan syarikat besar.
- DRB-HICOM labur RM32 bilion untuk membangunkan Automotive High-Technology Valley (AHTV) di Proton City, Tanjung Malim, Perak dan bakal mewujudkan 370,000 peluang pekerjaan sepanjang fasa pembangunan serta 161,000 sepanjang fasa operasi.
- Keputusan bubar Parlimen akan dibincang bersama lima pemimpin utama UMNO dan kabinet sebelum dipersembah kepada Yang di-Pertuan Agong.
- Proses siasatan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) membabitkan isu pengurusan dan operasi Lembaga Tabung Haji (TH) dijangka dapat diselesaikan penghujung Julai ini.
- Penuntut asing di Malaysia wajib mempelajari bahasa Melayu, sasar ia menjadi bahasa kedua terbesar di Asia Tenggara.

WORLD TRADE CENTRE KUALA LUMPUR
PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2021

MUKA 2, 3, 4 & 5

HARAPAN · PERIKATAN NASIONAL · MUDA

## Pembangkang akan kalah jika tidak bekerjasama dalam PRU15

GABUNGAN pembangkang mungkin akan tewas pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) jika formula kerjasama politik antara Pakatan Harapan (PH), Perikatan Nasional (PN) dan Parti Ikatan Demokratik Malaysia (Muda) tidak direalisasikan.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim berkata, kerjasama strategik itu penting untuk mewujudkan satu blok pembangkang yang kuat dan seterusnya mampu menumbangkan Barisan Nasional (BN).

Beliau berpendapat parti pembangkang harus mengetepikan ego masing-masing dan mengadakan kerjasama strategik bagi menghadapi PRU15.

8



# Juliza berjuang melawan penyakit demi segulung ijazah

Beberapa kali terpaksa tangguhkan pengajian kerana penyakit asmanya makin kronik

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

KUANTAN

Berdepan dugaan masalah penyakit asma kronik bukan penghalang bagi seorang graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Juliza Amenuddin, 36 untuk terus berjuang dalam tempoh yang panjang demi menggenggam segulung ijazah.

Perjuangannya selama 11 tahun itu membuahkan hasil apabila dia akhirnya menerima ijazah yang diidamkan pada Majlis Konvokesyen UMP ke-15 di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini pada Jumaat.

Juliza terpaksa hadir ke majlis konvokesyen menggunakan alat bantuan pernafasan ekoran keadaan penyakit asmanya semakin kronik.



Juliza menerima ijazah yang disampaikan oleh Dr Abi Musa Asaari dalam Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang Ke-15 di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, bagi sesi ketiga pada Jumaat.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Grafik dan Multimedia) itu kini terpaksa bergantung dengan tong gas oksigen bagi membantu pernafasannya.

Juliza berkata, dia disahkan mengidap penyakit Brittle Asthma sejak tahun 2007 dan keadaannya semakin kronik pada tahun 2010 sehingga terpaksa ditidurkan sebanyak 115 kali di hospital.

Pada tahun 2009, dia mendaftar mengikuti pengajian di UMP dan keadaannya ketika itu masih sihat sehinggalah pada tahun ketiga pengajian penyakitnya semakin kronik hingga lumpuh dan menerima kad Orang Kurang Upaya (OKU).

"Sejak itu saya kerap menangguhkan pengajian namun semangat untuk belajar tidak pernah padam.

"Saya terharu apabila UMP telah memberi peluang untuk menyambung pengajian setelah menangguh pengajian selama enam tahun," katanya.

Anak sulung dari lima beradik dari Kuala Lumpur, berkata, kejayaan diterimanya itu atas sokongan dan dorongan dari orang sekelilingnya yang banyak membantu terutama pihak UMP, keluarga serta rakan-rakan.

"Selepas tamat pengajian pada Januari 2021, saya ditawarkan bekerja di UMP Holdings sebagai Pembantu Strategik Korporat.

"Namun selepas setahun, saya mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan atas sebab kesihatan dan menumpukan kepada perniagaan makanan yang diusahakan," katanya yang menerima ijazah yang disampaikan oleh Pro-Canselor UMP, Tan Sri Dr Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor.